

ISLĀMIYYĀT 39(1) 2017: 29 - 37  
 (<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-04>)

## Persepsi Pelajar Bukan Muslim terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

### Non-Muslim Students' Perception towards Learning Arabic Language

MOHD SHAHRIZAL NASIR  
 NURKHAMIMI ZAINUDDIN  
 MUHAMMAD SABRI SAHRIR

#### ABSTRAK

*Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia melibatkan pelbagai peringkat pengajian seperti di sekolah, institusi pengajian tinggi dan juga orang awam. Para penuntut bahasa Arab mempunyai tujuan tertentu apabila berusaha mempelajari dan mendalami bahasa yang amat sinonim dengan Islam. Dewasa ini, pembelajaran bahasa Arab turut melibatkan golongan bukan Muslim di pelbagai peringkat pengajian, termasuk di institusi pengajian tinggi. Justeru, makalah ini membincangkan persepsi golongan bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka persepsi mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam usaha untuk memastikan kandungan pembelajaran bahasa Arab selari dengan tujuan pembelajaran bahasa ini. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang melibatkan temu bual tujuh pelajar bukan Muslim yang mempelajari bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Dapatan kajian menunjukkan semua responden memberikan respons yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Respons yang diberikan melibatkan metode pembelajaran yang dipraktikkan dalam usaha untuk menguasai bahasa Arab serta memperoleh motivasi dalam mempelajari bahasa ini. Semua respons ini memberi petunjuk bahawa persepsi bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab amat positif sekiranya proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Beberapa cadangan berkaitan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar bukan Muslim turut dibincangkan dalam makalah ini sebagai satu input yang boleh dimanfaatkan oleh para pengajar bahasa Arab.*

*Kata kunci: Pembelajaran bahasa Arab; pendidikan bahasa; pelajar bukan Muslim; kemahiran bahasa; persepsi pelajar*

#### ABSTRACT

*Learning Arabic language in Malaysia involved various levels of education such as in schools, higher education institutions and the public. Arabic learners have a specific goal in learning the language which is related closely to Islam. Nowadays, the Arabic language learning also involves non-Muslim in various levels of education including higher education institutions. Thus, this article will discuss the perception of non-Muslims towards learning the Arabic language. The objective of this study is to explore their perceptions of learning Arabic language in order to ensure that the content of Arabic learning in line with the purpose of learning the language. This study is a qualitative study involving interviews with seven non-Muslim students studying Arabic at Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). The findings showed that all respondents gave a positive response in learning the Arabic language. The responses given involve the teaching methods practiced in order to master the Arabic language and to gain motivation in learning the language. All these responses indicate that the perception of non-Muslims towards learning Arabic language is positive if the learning process can be carried out properly and effectively. Some of the suggestions which are related to teaching Arabic language for non-Muslim students are also discussed in this article as an input that can be used by teachers of the Arabic language.*

*Keywords: Learning Arabic language; language education; non-Muslim student; language skill; student's perception*

#### PENGENALAN

Bahasa Arab telah menjadi antara bahasa yang terpenting di dunia. Keperluan untuk menguasai bahasa Arab sebagai satu daripada bahasa dunia sering diperkatakan dan dibincangkan (Taha 2007). Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang digunakan oleh segenap lapisan manusia di dunia. Menurut Sofer (2006), bahasa Arab merupakan bahasa rasmi

bagi 18 buah negara Afrika Utara dan Timur Tengah meliputi kira-kira 165 juta penduduk. Bahasa Arab juga tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam. Menurut Komaruddin (1996) pula, konsep mengenai 'bahasa agama' telah menjadi agenda perbincangan dan perdebatan banyak pihak, termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli falsafah. Ini memberi petunjuk bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam pelaksanaan tuntutan agama Islam.

Tuntutan untuk mempelajari bahasa Arab tidak hanya tertumpu kepada golongan tertentu yang menjurus kepada tujuan akademik sahaja, malah ia turut menjadi satu keperluan bagi masyarakat awam yang beragama Islam (Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri & Mohd Firdaus 2015). Oleh itu, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan mempelajari bahasa Arab oleh umat Islam merupakan satu keperluan dan bukan satu pilihan. Justeru, dapat diperhatikan khususnya melalui saluran internet, banyak usaha yang sedang dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menyebarkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Usaha ini bukan sahaja dilakukan oleh pihak yang sememangnya melihat bahasa Arab sebagai bahasa yang penting, iaitu merujuk kepada komuniti Muslim, malah usaha mempelajari bahasa Arab turut melibatkan golongan bukan Muslim.

Sekiranya dilihat senario di Malaysia pula, pelbagai pihak dilihat berusaha untuk memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan rakyat Malaysia. Sorotan sejarah menunjukkan perkembangan bahasa Arab di Malaysia telah bermula sejak agama Islam masuk ke Tanah Melayu, iaitu pada kurun pertama Hijrah, selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi 1963). Kedatangan Islam bersama bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan dalam urusan ibadat, agama dan pendidikan dalam abad ke-17M telah menyebabkan masyarakat di Kepulauan Melayu mempelajarinya dalam semua kemahiran bahasa (Abdul Wahab & Nur Shuhadak 2015). Natiujahnya, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu turut melibatkan bahasa Arab yang telah berkembang secara aktif dan diajarkan kepada masyarakat bagi memahami Islam dan menunaikan ibadah (Rosni 2009).

Pendekatan kaedah pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah berubah mengikut zaman dan keperluan semasa. Objektif dan matlamat juga menjadi pengukur kepada sesuatu pelaksanaan kaedah pengajaran. Selain itu, bahasa Arab masih mengekalkan momentum tersendiri untuk kekal sebagai mata pelajaran pilihan, sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi sebagai bahasa kedua (Khairatul Akhmar, Maimun Aqsha & Aisyah 2015). Bahasa Arab mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia memandangkan Islam sebagai agama rasmi negara. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak sekali-kali menutup peluang masyarakat Malaysia daripada pelbagai latar belakang agama untuk mempelajari bahasa Arab. Buktinya, terdapat pelajar berketurunan India yang amat meminati bahasa Arab

meskipun masih berada di peringkat sekolah rendah sehingga menyertai aktiviti seperti *Kalam Jama'i* bagi mengukuhkan penguasaan bahasa Arab (Ainal Marhaton 2016).

Semua ini menjadi bukti yang kukuh bahawa pendidikan bahasa Arab telah dan sedang melalui fasa-fasa perubahan ke arah yang positif memandangkan semua lapisan masyarakat, sama ada orang awam mahupun para penuntut ilmu bahasa ini dari peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan terhadap bahasa Arab. Secara tidak langsung, dengan adanya usaha yang berterusan ini, bahasa Arab akan terus relevan sebagai antara bahasa terpenting di Malaysia, bukan sahaja untuk tujuan ibadah atau agama, lebih luas daripada itu ia turut menyumbang kepada perkembangan sektor ekonomi, pelancongan, pendidikan dan kebudayaan.

#### PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN KHUSUS

Proses perkembangan bahasa Arab berlangsung secara positif bermula seawal peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF di sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Bagi peringkat pengajian tinggi pula, terdapat banyak institusi pengajian tinggi awam menawarkan program pengajian bahasa Arab di peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Penawaran program-program akademik berkaitan bahasa Arab di kebanyakan Universiti Awam (UA) ini menjadi bukti kepentingan bahasa ini dalam prospek yang positif di Malaysia. Selain daripada program akademik di UA tersebut dengan kewujudan para pelajar yang mengambil ijazah sarjana muda dalam bidang Bahasa Arab, terdapat beberapa UA yang menawarkan subjek bahasa Arab sebagai bahasa asing pilihan kepada para pelajarnya (Rosni 2009). Antara UA tersebut ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan beberapa universiti lain.

Kewujudan program pengajian bahasa Arab dan penawaran subjek bahasa Arab kepada pelajar di

UA merupakan satu perkara baik yang perlu diberi pujian. Walau bagaimanapun, perkara lain yang lebih penting selepas wujud pengajian bahasa Arab di UA ialah berkenaan dengan usaha penambahbaikan program-program tersebut agar penawarannya kekal relevan dan memberi impak positif kepada pengetahuan pelajar dan prospek kerjaya mereka. Perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius bagi memastikan kelangsungan penawaran program ini berada pada tahap yang cemerlang. Oleh itu, proses penilaian dan penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa oleh semua pihak melibatkan kementerian, universiti dan fakulti yang berkenaan dengan mengambil kira respons daripada pelajar, orang awam dan juga pihak industri.

Antara perkara penting dalam usaha membuat penambahbaikan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah penekanan terhadap kandungan atau silibus pembelajaran yang perlu meraikan tujuan pembelajaran bahasa Arab oleh para pelajar. Penekanan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (BAUTK) (Arabic For Specific Purposes) perlu diberi perhatian yang serius bagi memastikan bahasa Arab terus relevan untuk dipelajari oleh segenap lapisan masyarakat, bukan sahaja di peringkat sekolah malah di institusi pengajian tinggi. Kegagalan memberi fokus terhadap BAUTK akan menyebabkan pelbagai masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti kegagalan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran, motivasi pembelajaran pelajar menurun, bahasa Arab dilabel sebagai bahasa yang sukar dipelajari serta menzahirkan ketidakpekaan pengajar terhadap keperluan pelajar. Akhirnya, pelajar tidak dapat melihat keperluan penting untuk mempelajari bahasa Arab, malah berusaha untuk menjauhkan diri daripada bahasa ini.

Menurut Hassan Basri dan Mohd Azhar (2004), dalam membincangkan perihal pengajaran BAUTK, terdapat beberapa perkara asas yang menjadi pokok persoalan. Antara perkara tersebut ialah berkenaan keperluan BAUTK dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Adakah BAUTK sememangnya merupakan satu keperluan? Begitu juga dengan kesesuaian bahan pengajaran untuk BAUTK. Adakah bahan pengajaran bahasa Arab yang digunakan sekarang merangkumi keperluan segenap lapisan pelajar, sama ada di peringkat rendah atau peringkat pengajian tinggi? Adakah objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab meraikan tujuan pembelajaran pelajar yang mempelajari bahasa Arab? Persoalan-persoalan ini merupakan perkara asas yang perlu diperhalusi dalam usaha melakukan

penambahbaikan terhadap bidang pendidikan bahasa Arab melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran.

Usaha memberi penekanan terhadap BAUTK perlu dimulakan segera di semua peringkat dalam bidang pendidikan bahasa Arab. Para penggubal silibus dan para pendidik bahasa Arab tidak boleh mengambil sikap bergantung kepada bahan pengajaran bahasa Arab yang diambil terus daripada pelbagai sumber, termasuk dari Timur Tengah. Lantas mengajarnya di dalam kelas tanpa meraikan tujuan utama pembelajaran bahasa Arab oleh pelajar dan keperluan yang perlu diperolehi oleh pelajar mengikut latar belakang mereka berkaitan pembelajaran bahasa Arab.

Menurut Azman dan Goh (2010), secara umumnya tujuan pembelajaran bahasa Arab oleh para pelajar di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pertama bermatlamat agama (Kamarul Shukri et al. 2009; Zainur Rijal & Rosni 2007) dan kedua bermatlamat komunikasi (Ab. Halim 2005; Hassan Basri & Mohd Azhar 2004). Sekiranya melibatkan pelajar bahasa Arab yang beragama Islam, kaitan faktor agama sememangnya tidak dapat dipisahkan sebagai antara perkara yang menyebabkan mereka lebih berminat untuk mempelajari bahasa Arab.

Menurut Kamarul Shukri, Norasyikin dan Siti Salwa (2012), kedudukan bahasa Arab sebagai 'bahasa ibadah' turut mempengaruhi proses pembelajaran golongan Muslim yang mempelajari bahasa Arab dalam persekitaran amalan berkaitan agama Islam dipraktikkan secara berterusan. Hal ini disebabkan mereka sentiasa menggunakan bahasa tersebut dalam pelaksanaan amal ibadah secara harian. Bahasa Arab digunakan oleh umat Islam pada setiap hari kerana pelaksanaan amal ibadah seperti solat, azan, tilawah al-Qur'an, zikir, khutbah, selawat dan doa dilaksanakan dalam bahasa tersebut. Secara umumnya, ia tidak menggunakan terjemahan bahasa-bahasa lain di dunia. Situasi ini membuktikan secara jelas bahawa bahasa Arab digunakan oleh setiap individu Muslim dalam kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT yang taat atas segala titah perintah-Nya.

Namun, bagaimana pula halnya bagi golongan bukan Muslim yang mempelajari bahasa Arab? Semestinya faktor agama bukan menjadi perkara yang menyebabkan mereka ingin mempelajari bahasa Arab. Hujah-hujah berkaitan kepentingan bahasa Arab dalam pelaksanaan ibadah tidak boleh menjadi perkara yang dapat memotivasikan mereka untuk mempelajari bahasa Arab dan merasai kepentingan untuk mempelajarinya. Justeru, BAUTK merupakan satu pendekatan terbaik dan bersifat realistik bagi

membantu para pelajar bahasa Arab daripada kalangan bukan Muslim untuk menguasai bahasa Arab.

#### PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BAGI BUKAN MUSLIM

Penawaran subjek bahasa Arab di UA telah lama wujud melibatkan beberapa universiti seperti UM, UIAM, UKM, UPM, USIM, UniSZA, UPSI, UiTM, USM, UUM, UMT, UTHM dan UMP. Di UIAM contohnya, pelajar yang mengambil jurusan Sains Kemanusiaan perlu mempelajari subjek bahasa Arab hingga peringkat lima dengan dua peringkat awal diambil semasa mengikuti pengajian di Pusat Asasi UIAM. Di UiTM pula, setiap pelajar perlu mengambil satu pilihan bahasa ketiga dan perlu mempelajari subjek bahasa ketiga tersebut selama tiga semester, termasuk sekiranya pelajar tersebut memilih untuk mempelajari bahasa Arab. Keputusan untuk mewajibkan setiap pelajar UiTM peringkat Ijazah Sarjana Muda untuk mengambil satu kursus bahasa ketiga sebagai kursus wajib bermula pada Jun 1999 (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah 2010).

Di UniSZA, senario yang sama dengan UA lain yang melibatkan penawaran subjek bahasa Arab. Selain menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (dengan Kepujian) di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, dan Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusasteraan Arab) di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, terdapat penawaran subjek bahasa Arab untuk diambil oleh para pelajar dari jurusan lain di UniSZA. Subjek Bahasa Arab ini dan bahasa-bahasa asing yang lain ditawarkan oleh Pusat Penataran Ilmu (PPI), UniSZA yang kini dikenali sebagai Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL).

Bagi penawaran subjek Bahasa Arab sebagai bahasa asing di UniSZA, terdapat fakulti yang mewajibkan pelajarannya untuk mengambil bahasa Arab seperti Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

dan Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan. Bagi pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, dua jurusan yang mewajibkan pelajarannya untuk mempelajari subjek Bahasa Arab ialah Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Risiko dan Takaful) dengan Kepujian. Keputusan yang diambil bagi mewajibkan pelajar bagi kedua-dua jurusan ini mempelajari bahasa Arab dibuat bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang bahasa Arab selain menjadikan subjek ini sebagai satu nilai tambah dalam struktur pengajian.

Berdasarkan senario ini, terdapat pelajar daripada kalangan bukan Muslim yang mengambil subjek Bahasa Arab Kebangsaan (MPU32032). Objektif umum penawaran subjek ini adalah untuk membimbing pelajar mempraktikkan pengetahuan yang diperoleh dalam penguasaan kemahiran bahasa Arab. Penekanan pembelajaran bahasa Arab diberikan kepada empat kemahiran, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada pengertian kosa kata, cara pembinaan ayat dan kaedah asas tatabahasa Arab. Seperti mana yang dinyatakan dalam maklumat subjek, selepas mengikuti subjek Bahasa Arab Kebangsaan (MPU32032) ini, pelajar boleh:

1. Membaca teks pilihan menerusi penerapan kemahiran mendengar dan membaca.
2. Menghubung kait pengetahuan asas bahasa Arab secara bertulis atau bertutur mengikut kaedah tatabahasa yang dipelajari.
3. Menghasilkan ayat dalam penulisan dengan menepati kaedah tatabahasa Arab berdasarkan sukatan yang dipelajari.
4. Mempamerkan kebolehan bertutur pada peringkat asas melalui aktiviti pembentangan.

Berkaitan dengan topik yang dipelajari oleh pelajar yang mengikuti subjek Bahasa Arab Kebangsaan (MPU32032) pula ialah sebagaimana berikut:

Bil.	Topik Pemahaman Teks	Topik Tatabahasa
1.	اليوم الأول في الجامعة	التذكير والتأنيث
2.	الحياة في الجامعة	الإفراد والتثنية والجمع
3.	عائلي	الضمائر المنفصلة
4.	مهن أعضاء عائلي	الضمائر المتصلة
5.	الهواية عمل نافع	الفعل الماضي
6.	فوائد الإنترنت	الفعل المضارع



Semua kandungan pembelajaran ini perlu diikuti oleh pelajar yang mengambil subjek Bahasa Arab Kebangsaan (MPU32032), termasuk golongan bukan Muslim. Justeru, terdapat cabaran yang perlu dihadapi oleh pensyarah apabila terdapat dua kelompok pelajar di dalam kelas yang terdiri daripada golongan Muslim yang mempunyai asas dalam bahasa Arab dan juga golongan bukan Muslim. Asas bahasa Arab di sini merujuk kepada kemahiran membaca dan menulis tulisan Arab meskipun pelajar tidak pernah mengambil subjek Bahasa Arab secara khusus semasa di peringkat sekolah atau pengajian diploma.

### BAHASA ARAB: APAKAH PERSEPSI PELAJAR BUKAN MUSLIM?

Lanjutan daripada penjelasan mengenai senario pembelajaran subjek Bahasa Arab Kebangsaan (MPU32032) di UniSZA melibatkan pelajar daripada kalangan bukan Muslim, bahagian ini membincangkan perihal persepsi golongan pelajar bukan Muslim yang telah mengikuti pembelajaran subjek sepanjang satu semester.

Bagi mendapatkan maklum balas atau respons kelompok pelajar bukan Muslim ini, satu kajian telah dijalankan. Kajian ini ialah satu kajian kualitatif yang menggunakan teknik temu bual sebagai instrumen pengumpulan data. Teknik temu bual ini melibatkan beberapa orang individu pelajar dengan menggunakan satu set *open-ended question* (soalan berbentuk separa tertutup). Kaedah temu bual dipilih kerana ia dapat membantu penyelidik untuk mendalami setiap maklumat yang disampaikan oleh responden kajian. Responden temu bual dipilih berdasarkan kaedah persampelan kualitatif, iaitu *purposeful sampling*. Seramai tujuh orang pelajar terlibat dalam temu bual ini. Sesi temu bual diadakan secara individu dan dirakam menggunakan alat perakam MP3. Rakaman temu bual kemudiannya diberikan kod (contohnya, RP1 yang merujuk kepada responden pelajar 1) sebelum proses transkripsi dibuat untuk dianalisa. Sebelum transkripsi dianalisa, semakan dibuat oleh responden temu bual bagi mendapatkan pengesahan daripada mereka tentang kandungan transkripsi tersebut.

### PERSEPSI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Rata-rata responden menyatakan pandangan awal mereka tentang bahasa Arab menjurus kepada persepsi negatif. Mereka berasa takut untuk mempelajari bahasa

Arab kerana tidak berpengalaman mempelajarinya dan ia merupakan satu perkara baharu bagi mereka. Sebenarnya, hal ini dilihat sebagai satu perkara yang normal.

*First* sebelum saya belajar... masa tu saya rasa sangat takut... dan tanya banyak senior la... macamana belajar... masa kami baru masuk, kami *first intake* Indian... *and then* kita tak ade senior Indian... so kita tak tahu dia punya perasaan... fakulti lain dia orang boleh ambil apa-apa bahasa... mula-mula saya rasa saya tak boleh buat... takut... (ketawa)... Tapi, lepas belajar Arab ni, saya rasa bangga... boleh belajar... kawan-kawan pun terkejut... (RP2).

Walau bagaimanapun, terdapat satu suasana negatif yang melanda pemikiran golongan yang baru ingin mengenali bahasa Arab lebih-lebih lagi daripada golongan bukan Muslim apabila rata-rata responden mendapat gambaran yang tidak baik tentang bahasa Arab daripada kalangan pelajar Muslim.

Ok... mula-mula sebelum belajar bahasa Arab ni, saya dapat maklumat daripada kawan-kawan tentang bahasa Arab ni. Saya ni tak tahu bahasa Arab, jadi saya tanya mereka... susah ke bahasa Arab? Walaupun dia orang cakap, ada *basic* tentang bahasa Arab, tapi diorang cakap memang susah nak dapat... tapi ikut pengajar juga lah... kalau kita ikut apa yang dia cakap, kita boleh *catch up* (RP1).

Saya ada tanya kawan-kawan yang pernah belajar dan diorang cakap bahasa Arab ni memang susah... kena ingat banyak bende... tak faham... sekarang saya faham, bahasa Arab tu best... (RP3).

Saya tanya kawan-kawan saya yang Muslim... tanya die... ok tak... yang itu bahasa Arab... dia orang cakap... susah... jadi Melayu pun cakap itu juga... jadi... ermmm... susah... so bimbang juga la... (RP6).

Pemerian dalam bentuk negatif terhadap bahasa Arab daripada kalangan pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab merupakan satu perkara yang perlu ditangani dengan segera. Sekiranya hal ini tidak ditangani dengan baik, ia akan menyumbang kepada keresahan kepada pelajar. Menurut Horwitz, Horwits dan Cope (1986), keresahan bahasa menjadi faktor bagi pelajar enggan untuk memerlukan bahasa asing. Pengalaman negatif ketika belajar bahasa Arab oleh sesetengah individu menyebabkan perkara tersebut disebarkan kepada orang lain yang tidak mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab. Akhirnya, pengalaman dan perkongsian tersebut mempengaruhi motivasi pelajar yang belum mempelajari bahasa Arab. Justeru, para pengajar bahasa Arab di semua peringkat pengajian, sama ada di sekolah mahupun universiti perlu berusaha mencipta pengalaman menarik bagi setiap pelajar agar akhirnya bahasa Arab digambarkan sebagai satu bahasa yang indah dan menarik untuk dipelajari.

Selain itu, pemahaman yang mengaitkan bahasa Arab dengan Islam turut mempengaruhi persepsi pelajar bukan Muslim untuk mempelajari bahasa Arab.

Masa saya dengar saya kena ambil bahasa Arab tu... memang susah... persepsi saya memang dari awal tu, kalau Arab memang Islam... bukan bahasa. Tengok Arab... owhhh... diorang akan ajar lebih kepada *Islamic*... so memang takut lah... untuk ambil subjek macam tu... Tapi lepas tu saya faham, belajar bahasa Arab sama je macam belajar bahasa English, Malay, Tamil... lebih kepada bahasa, bukan agama (RP3).

Pengajar bahasa Arab yang mendapat pelajar daripada kalangan bukan Muslim perlu bijak menyampaikan kandungan pengajaran agar bahasa ini tidak diberi tanggapan yang negatif oleh pelajar. Penerangan tentang tujuan pembelajaran bahasa Arab perlu dilakukan seawal sesi pengajaran agar para pelajar daripada kalangan bukan Muslim dapat memahami kedudukan bahasa Arab di sisi Islam dan keperluan bahasa Arab bagi proses pembelajaran mereka. Keindahan dan keunikan bahasa Arab perlu diserlahkan agar para pelajar berasa seronok mempelajari bahasa ini tanpa sebarang sikap prejudis. Dari sini dapat difahami bahawa peranan pengajar atau guru amat penting dalam menyerlahkan dimensi positif pendidikan bahasa Arab. Oleh itu, seperti mana saranan Zamri dan Al Muslim (2016), sekiranya suatu transformasi dalam pendidikan bahasa Arab hendak dimulakan di Malaysia, fokus utama adalah untuk membina dan menyediakan guru yang berkualiti sekali gus mampu mendepani cabaran pendidikan semasa.

#### METODE PENGAJARAN BAHASA ARAB

Proses pengajaran sesuatu bidang berbeza antara satu dengan yang lain. Setiap cabang ilmu mempunyai metode tersendiri bagi memastikan tujuan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Begitu juga proses pengajaran yang melibatkan satu bidang yang sama seperti bahasa. Meskipun dalam satu bidang yang sama, terdapat perbezaan metode pengajaran antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab. Keadaan yang sama juga berlaku apabila terdapat kelompok pelajar yang berbeza dalam kelas pengajaran, misalnya kalangan pelajar kelas bahasa Arab yang terdiri daripada mereka yang telah mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab dengan sebahagian lagi tidak pernah mempelajari bahasa Arab. Semua keadaan ini memerlukan kreativiti yang tinggi daripada pihak guru dalam mengendali kelas pengajaran agar semua pelajar dapat mengikuti kelas dengan baik.

Apatah lagi sekiranya di dalam sesuatu kelas bahasa Arab, terdapat dua kelompok pelajar, iaitu pelajar Muslim yang mengetahui beberapa input berkenaan bahasa Arab dan kumpulan kedua terdiri daripada kelompok pelajar bukan Muslim yang tidak mempunyai pengetahuan langsung tentang bahasa Arab. Justeru, terdapat pelbagai respons pelajar bukan Muslim berkenaan metode pengajaran bahasa Arab yang digunakan oleh pengajar dalam kelas mereka.

Hmmm... belajar bahasa Arab dalam kelas saya rasa lebih senang daripada saya belajar sendiri. Arrr... dalam kelas senang nak *communicate*... nak tanya kalau saya tak faham. Kalau luar kelas, saya rasa susah sikit... kadang-kadang saya rasa... eh... betul ke tak? Dalam kelas ustaz bagitahu satu-satu... dengan *detail*... best... saya suka... lepas tu kita orang takde *basic* kan... ustaz guna *language* lain untuk *explain*... so, yang tu memang menyenangkan untuk belajar Arab lah... (RP1).

Saya *enjoy* masa dalam kelas... *enjoy* ha... tak susah sangat sebab ustaz selalu ajar cara yang mudah untuk menguasai bahasa tu... bila ustaz ajar satu topik tu... *then* ustaz akan ulang balik *next class*... so yang tu akana bantu kita *recall* balik... walaupun kita tak *recall* dalam bilik, tapi nanti datang kelas, kita akan *recall* balik ape yang kita belajar *last class*... (RP4).

Teknik pengajaran yang berkesan ialah apabila pengajar mampu memupuk rasa minat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dalam diri pelajar. Burnett dan Meacham (2002) mencadangkan agar menimbangkan kefahaman kualiti guru berdasarkan perspektif pelajar. Peranan pelajar dilihat sebagai elemen penting dalam usaha membina kualiti guru yang cemerlang. Pengajar atau guru tidak boleh mengesampingkan respons pelajar kerana tanpa respons daripada mereka, proses pengajaran dilihat sebagai usaha satu hala tanpa tindak balas daripada pihak yang juga penting dalam proses pengajaran iaitu pelajar.

Errr... ustaz memang baguslah bagi saya... (ketawa)... sebab yang paling tak *stress* ialah kelas Arab. Saya faham dalam bahasa Arab ada *hadha* dan *hadhihi*... *separate* lelaki dan perempuan... yang hidup dan benda mati pun boleh... saya suka ustaz ulang-ulang ajar.... mudah ingat laa... (RP6).

#### STRATEGI KENDIRI DALAM MEMPELAJARI BAHASA ARAB

Proses pembelajaran tidak hanya tertumpu di dalam kelas pembelajaran sahaja. Banyak aspek lain yang turut membantu pelajar dalam usaha menguasai kandungan pelajaran. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab oleh pelajar bukan Muslim, terdapat beberapa strategi yang digunakan secara sendiri bagi menguasai bahasa Arab. Menurut Ghazali et al. (2012), pembelajaran sendiri didefinisikan sebagai

satu proses pembelajaran yang berasaskan pelajar. Penggunaan strategi pembelajaran sendiri didapati telah memberikan beberapa kelebihan kepada pelajar seperti mendorong kepada pencapaian yang tinggi dalam akademik (VanZile-Tamsen & Livingston 1999). Berdasarkan temu bual yang dijalankan, rata-rata responden menyatakan antara strategi sendiri yang dilakukan ialah mengamalkan konsep *tardid/takrar* (ulangan) bagi menguasai kosa kata dalam bahasa Arab, sama ada secara lisan atau bertulis.

Saya biasanya *before exam* contohnya... saya memang akan tulis perkataan banyak kali... satu perkataan, saya tulis lima kali... ulang... tulis balik dalam *paper*... *then*, tengok, apa huruf dia... tulis banyak kali... Baca pula, saya tulis perkataan dalam *Malay*, lepas saya tulis bahasa Arab, saya tulis balik apa sebut dalam *Malay*... (RP5).

Saya... sebelum *exam* ke *test* ke... saya tulis perkataan yang saya rasa susah... saya tulis balik... lepas tu... lepas tulis semula... saya akan baca balik... semua perkataan yang saya tulis... Saya juga akan tanya kawan-kawan yang major dalam bahasa Arab... ataupun ada tanya kawan-kawan sekelas... (RP6).

Berkenaan penulisan bahasa Arab melibatkan proses membaca bagi kalangan pelajar bukan Muslim, kajian Azman dan Ahmad Nazuki (2010) berkaitan penggunaan transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dilihat amat membantu pelajar. Seperti mana yang disarankan dalam kajian mereka, penerapan kaedah transliterasi perlu dilaksanakan khususnya melibatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada bangsa dan kaum lain yang bukan Islam.

Selain itu, terdapat responden yang suka menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang praktikal dan memerlukan respons daripada orang lain agar dapat menguasai bahasa Arab yang dipelajari dalam kelas. Suasana pembelajaran yang melibatkan rakan lain membentuk suasana pembelajaran secara kolaboratif dan kooperatif yang boleh meningkatkan motivasi pembelajaran intrinsik (Pintrich & Schunk 1996; Van Meter & Stevens 2000). Ghazali et al. (2012) membuat kesimpulan belajar bersama-sama rakan didapati mempunyai kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar. Hal ini sama ada melibatkan proses pembelajaran yang dilakukan secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, pembelajaran bahasa Arab dengan memanfaatkan bahan teknologi juga dilihat dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa ini. Menurut Mohd Firdaus, Muhammad Sabri dan Mohd Shahrizal (2013), pemanfaatan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu keperluan pada hari ini. Situasi ini melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran

semua bidang, termasuk bidang bahasa dan ia turut melibatkan semua peringkat pendidikan.

Saya suka guna ayat Arab dengan kawan-kawan... terutama yang ambil bahasa Arab... *sabah al khayr*... *sabah al-nur*... atau *student* dari FKI (Fakulti Pengajian Kontemporari Islam)... *shukran jazilan*... saya gunakan dengan mereka... *bi al-tawfiq wa al-najah*... saya pun belajar daripada mereka... saya juga biasa guna *Google* untuk cari makna perkataan Arab... (RP7).

*Sometimes*, ada kawan-kawan yang ambil Arab, *you* tahu tak jawab... *kayfa haluki?*... *then* diorang puji kalau saya boleh jawab... (RP2).

Penggunaan bahan pembelajaran yang menarik juga dapat membantu pelajar untuk menguasai pelajaran dengan lebih cepat dan mudah. Bahan pembelajaran merangkumi pelbagai bahan yang digunakan dalam pembelajaran seperti gambar, model, poster, gambar rajah, carta atau peta (Burke 2007; Dat 2007; Dornyei 2001). Berdasarkan respons yang diterima daripada responden, penghasilan bahan pembelajaran yang menarik dapat membantu dirinya untuk mudah menguasai perkataan dalam bahasa Arab.

Kena rajin tulis... salin balik... lepas tu saya tulis besar-besar, tampilkan di dinding bilik.... untuk sentiasa tengok, biasakan tulisan tu... *so*, I memang selalu tulis perkataan besar-besar and tampilkan... dan selalu guna... (RP2).

Persepsi pelajar bukan Muslim terhadap bahasa Arab adalah positif. Namun, persepsi ini bergantung kepada banyak aspek lain yang memerlukan perhatian serius oleh para pengajar bahasa Arab, khususnya melibatkan tujuan pembelajaran bahasa Arab. Pelajar tidak akan memahami keperluan untuk mempelajari bahasa Arab sekiranya mereka tidak didedahkan dengan jelas tentang kelebihan mempelajari bahasa ini. Lebih memburukkan keadaan apabila golongan pelajar bukan Muslim telah diberikan gambaran negatif tentang bahasa Arab oleh pelajar Muslim yang berpengalaman mempelajari bahasa Arab.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan Muslim di UniSZA, penekanan perlu diberikan terhadap pembelajaran BAUTK atau *Arabic For Specific Purposes*. Meskipun subjek Bahasa Arab Kebangsaan (MPU32032) yang diwajibkan kepada kelompok pelajar bukan Muslim merupakan subjek asas yang bersifat pengenalan kepada bahasa Arab, input bahasa ini yang melibatkan bidang pengkhususan pelajar perlu diberi penekanan yang sewajarnya. Oleh itu, usaha penambahbaikan kandungan subjek MPU32032 perlu dilakukan bagi memastikan motivasi pelajar bertambah dalam mempelajari bahasa Arab, selain dapat mengekalkan persepsi positif mereka terhadap pembelajaran bahasa ini.



Kandungan dan buku teks subjek bahasa Arab juga perlu dikaitkan dengan pengalaman seharian dan matlamat pembelajaran pelajar. Perkara paling asas ialah pengajar bahasa Arab perlu terus mengambil sikap proaktif dalam usaha meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab. Buku teks sedia ada meskipun tidak memberi fokus kepada BAUTK, namun peranan pengajar yang cemerlang mampu mengarahkan kandungan pembelajaran sedia ada kepada bidang pengkhususan pelajar. Burke (2007) menyatakan kandungan buku teks tidak semestinya diikuti sepenuhnya kerana ia bukanlah matlamat akhir pembelajaran.

### KESIMPULAN

Bahasa Arab mempunyai prospek yang cerah pada masa akan datang sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini sentiasa mengalami penambahbaikan dan perubahan sesuai dengan keperluan pelajar. Persepsi positif golongan pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab perlu dimanfaatkan sebaiknya dalam usaha untuk menyebarluaskan bahasa ini dan mencari alternatif lebih baik bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Persepsi negatif tentang bahasa Arab oleh segelintir pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab perlu ditangani dengan baik agar ia tidak merosakkan motivasi pelajar yang baru sahaja ingin mengenali bahasa Arab, khususnya dalam kalangan bukan Muslim. Peranan pengajar atau guru amat besar dalam hal ini. Penjelasan yang baik tentang tujuan pembelajaran bahasa Arab, kepentingan mempelajarinya, keunikan bahasa Arab serta metode pengajaran dan pembelajaran yang menarik perlu diberikan kepada pelajar bagi menangkis persepsi negatif yang dikaitkan dengan bahasa Arab. Satu perkara penting yang perlu diberi penekanan di sini ialah perihal keperluan menerokai pembelajaran BAUTK atau *Arabic for Specific Purposes* bagi memastikan bahasa Arab terus kekal dilihat sebagai bahasa asing yang amat relevan untuk dipelajari. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab akan berjalan dengan lancar dan berkesan sekiranya pihak pengajar memberikan input pengajaran yang diperlukan oleh pelajar, manakala pelajar berusaha untuk menguasai kandungan pelajaran dengan bersungguh-sungguh atas kesedaran bahawa bahasa Arab merupakan antara elemen penting dalam bidang pengajiannya.

### RUJUKAN

- Ab. Halim Ismail. 2005. Pengajaran bahasa Arab melalui kaedah komunikatif. Dlm. *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi*, disunting oleh Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Mohd Azhar Zailani, 137-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Wahab Zakaria & Nur Shuhadak Mohd Shamsuddin. 2015. Tawajjuhāt dawlah Maliziya fi al-hifaz ‘ala hawiyyat al-lughat al-‘Arabiyyah wa hadaratiha. *Majallat Jami‘at al-Quds al-Maftuhah li al-Abhath wa al-Dirasat* 32(2): 341-362.
- Ainal Marhaton Abd Ghani. 2016. Budak India cakap Arab. *Harian Metro*. <http://www.hmetro.com.my/node/159364>. Dicapai pada: 2 Oktober 2016.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. 2010. Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2): 9-20.
- Azman Che Mat & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. 2010. Kegunaan transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 10(2): 19-35.
- Burke, B.M. 2007. Creating communicative classrooms with experiential design. *Foreign Language Annals* 40(3): 441-462.
- Burnett, P.C. & Meacham, D. 2002. Measuring the quality of teaching in elementary school classrooms. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education* 30(2): 141-153.
- Dat, B. 2007. Materials for developing speaking skills. Dlm. *Developing Materials for Language Teaching*, disunting oleh Tomlinson, B., 375-393. London: Continuum.
- Dornyei, Z. 2001. *Motivational Strategies in the Language Classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fatimi S.Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute LTD.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Parilah M. Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 10(3): 15-33.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Ahmed Thalal Hassan. 2012. Penggunaan strategi belajar bersama rakan dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 27: 37-50.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan & Mohd Azhar Zailani. 2004. Kurikulum baru Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi sekolah menengah. *Masalah Pendidikan* 27: 65-74.



- Horwitz E.K., Horwitz, M.B. & Cope, J. 1986. Foreign language classroom anxiety. *The Modern Language Journal* 70(1): 125-132.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2009. Strategi Metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 9(2): 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman & Siti Salwa Mohd Noor. 2012. Eksplorasi penggunaan Strategi Metafizik ke arah penjajaran tipologi SPB. Dlm. *Dinamika Pendidikan Bahasa Arab: Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan*, disunting oleh Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab Halim, Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohamad Rouyan, 115-127. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Khairatul Akhmar Ab. Latif, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. 2015. *Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Komaruddin Hidayat. 1996. *Memahami Bahasa Agama*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Shahrizal Nasir. 2013. Pembangunan laman web EZ-Arabic sebagai alternatif pembelajaran maya bahasa Arab bagi pelajar sekolah rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi* 61(1): 11-18.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Firdaus Yahaya. 2015. Tinjauan persepsi pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah sebagai satu keperluan bagi masyarakat Muslim awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 30: 51-72.
- Pintrich, P.R. & Schunk, D.H. 1996. *Motivation in Education: Theory, Research and Applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sofer, M. 2006. *The Translator's Handbook*. Rockville, USA: Schreiber Publishing.
- Taha, T.A. 2007. Arabic as "a critical-need" foreign language in post-9/11 era: A study of students' attitudes and motivation. *Journal of Instructional Psychology* 34(3): 150-160.
- Van Meter, P. & Stevens, R.J. 2000. The role of theory in the study of peer collaboration. *The Journal of Experimental Education* 69(1): 113-127.
- VanZile-Tamsen, C. & Livingston, J.A. 1999. The differential impact of motivation on the self-regulated strategy use of high and low achieving college students. *Journal of College Student Development* 40(1): 54-60.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. 2007. *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zamri Arifin & Al Muslim Mustapa. 2016. Kualiti guru bahasa Arab dalam konteks Malaysia: Menangani persoalan asas. Dlm. *Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*, disunting oleh Zamri Arifin, Al Muslim Mustapa, Zulazhan Ab Halim & Mohd Shahrizal Nasir, 21-37. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Shahrizal Nasir  
Pusat Pengajian Bahasa Arab  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus  
Terengganu Darul Iman  
MALAYSIA  
mohdshahrizal@unisza.edu.my
- Nurkhamimi Zainuddin  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan  
MALAYSIA  
khamimi@usim.edu.my
- Muhammad Sabri Sahrir  
Jabatan Bahasa dan Literasi  
Kulliyah Pendidikan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur  
MALAYSIA  
muhsabri@iium.edu.my

